



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 6 Disember 2017

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 25 TAHUN 2017**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN JABATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA
TAHUN 2018**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan Lembaga Getah Malaysia bagi tahun 2018 telah ditetapkan seperti jadual terlampir.

3. Anggota yang ingin menduduki peperiksaan pengesahan hendaklah mendaftar kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia dengan menggunakan borang yang disediakan. Borang yang telah diisi hendaklah dihantar ke UPSM selewat-lewatnya **sebelum atau pada 6 Februari 2018 (Isnin)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan, tidak akan diterima.

4. Sukatan peperiksaan dan borang permohonan boleh didapati di laman web portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsm>. Manakala bahan rujukan boleh didapati di Perpustakaan LGM.

5. Sila ambil perhatian dan tindakan atas tarikh peperiksaan yang telah diumumkan ini. Jika terdapat perubahan tarikh peperiksaan, tuan/puan akan dimaklumkan.

Sekian, terima kasih .

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k Y Bhg. Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah- Pengarah Bahagian
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Kewangan dan Akaun

JADUAL PEPERIKSAAN JABATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA 2018

Bil.	Tarikh Perperiksaan	Nama Peperiksaan	Tarikh Tutup Permohonan	Bentuk Soalan	Masa	Tempat
1.	23 Mei 2018 (Selasa)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 41 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	6 Februari 2018	Esei	Bah I & II: 9.00-11.30 am Bah III : 2.00 – 4.30 pm	Akademi Hevea Malaysia Sungai Buloh
2.	24 Mei 2018 (Rabu)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 29 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	6 Februari 2018	Esei	Bah I & II: 9.00-11.30 am Bah III : 2.00 – 4.30 pm	Akademi Hevea Malaysia Sungai Buloh
3.	25 Mei 2018 (Khamis)	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Gred 19 -Bahagian I (Organisasi & Dasar) -Bahagian II (Perkhidmatan, Pentadbiran & Kewangan) -Bahagian III (Bidang Tugas)	6 Februari 2018	Objektif	Bah I & II: 9.00-11.30 am Bah III : 2.00 – 4.30 pm	Akademi Hevea Malaysia Sungai Buloh

PANDUAN PERMOHONAN :

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang peperiksaan yang boleh diperolehi dari laman web portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsm>
2. Calon-calun digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
3. Calon-calun yang tidak mendaftar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.
4. Calon-calun hendaklah **MEMBAWA SLIP PEPERIKSAAN** ketika menghadiri peperiksaan.
5. Calon-Calun **DIWAJIBKAN BERPAKAIAN PEJABAT SEMASA MENGHADIRI PEPERIKSAAN**. Jika tidak mengikut peraturan Ketua Pengawas boleh menghalang calon-calun daripada menduduki peperiksaan.